

TAJUK 1	Pengenalan kepada Pengurusan Tingkah Laku	5 JAM
--------------------	--	--------------



SINOPSIS


Dalam tajuk ini anda akan didedahkan dengan definisi dan konsep pengurusan tingkah laku, faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku, kesan salah laku terhadap pembelajaran dan kepentingan pengurusan tingkah laku di kalangan murid-murid berkeperluan khas.



HASIL PEMBELAJARAN

- i. Memahami definisi dan konsep pengurusan tingkah laku secara mendalam.
- ii. Menjelaskan pelbagai faktor yang menyebabkan salah laku dan menghuraikan kesan-kesan salah laku terhadap pembelajaran serta
- iii. Mengenal pasti kepentingan pengurusan tingkah laku kepada murid-murid berkeperluan khas.

Kerangka Konsep Tajuk



1.1 Definisi dan Konsep Pengurusan Tingkah Laku

Sebelum seseorang boleh memahami maksud pengurusan tingkah laku, ia perlu memahami erti tingkah laku. Apakah yang dimaksudkan dengan tingkah laku?

1.1.1 Definisi Tingkah Laku

Pelbagai definisi Tingkah Laku telah diutarakan. Pada asasnya tingkah laku merupakan apa yang seseorang cakapkan atau lakukan dan pada keseluruhannya, tingkah laku merujuk kepada semua tindakan manusia yg boleh diperhati, diukur & dinilai (Bear, Wolf and Risley, 1968)

Orang ramai mempunyai pandangan sendiri mengenai tingkah laku. Pada umumnya ada berbagai-bagai perkataan digunakan untuk menggambarkan tingkah laku – ‘aktiviti’, ‘aksi’, ‘perubatan’, ‘bergerak balas’, dan ‘reaksi’ (Martin & Pear, 1996). Mengikut Miltenberger (2001), terdapat beberapa ciri-ciri mengenai tingkah laku:

- apa yang seseorang cakapkan dan katakan
- ada satu atau lebih dimensi yang boleh diukur
- boleh diperhati, diterangkan
- member kesan kepada persekitaran
- dipengaruhi oleh peristiwa dalam persekitaran
- mungkin *overt* atau *covert*

Ini bermaksud “Tingkah laku ada berbagai ragam dan berbagai laku.” (Kamus Dewan, 1979). Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya ada dua jenis tingkah laku yang berbeza. Tingkah laku *overt* adalah tingkah laku yang boleh diperhati dan dicatat oleh seseorang. Manakala tingkah laku *covert* merupakan

peristiwa peribadi dan tidak dapat diperhatikan oleh orang lain (Bear, Wolf and Risley, 1968).

1.1.2 Definisi Pengubahsuaian Tingkah Laku

Apa pula maksud Pengurusan Tingkah Laku? "Pengurusan tingkah laku adalah program tingkah laku yang berbentuk saintifik yang dibuat secara analisis untuk menghasilkan perubahan tingkah laku sosial yang positif bagi seorang individu"

. Zirpoli dan Melloy (1993) memberikan empat perkara yang perlu dilakukan oleh pelaksana, iaitu:

- a) Memerhati, mengukur dan menilai corak perlakuan semasa;
- b) Kenal pasti antecedent dan consequences persekitaran;
- c) Tentukan objektif tingkah laku baru; dan
- d) Bentuk pembelajaran tingkah laku baru atau baiki tingkah laku semasa melalui manipulasi antecedent dan consequences yang telah dikenal pasti.

1.2 Konsep Pengurusan Tingkah Laku

- Konsep asas pengurusan tingkah laku meliputi perkara-perkara berikut;
 - perancangan yang rapi
 - tentukan individu atau kumpulan yang bermasalah tingkah laku
 - teknik intervensi yang berkesan
 - penilaian secara objektif
- Beberapa perkara perlu diambil kira dengan teliti tentang murid khas sebelum program pengurusan tingkah laku dilaksanakan, iaitu;
 - Setiap murid adalah unik
 - Tiada satu cara berkesan dalam semua keadaan bagi semua murid
 - Proses intervensi akan dihadkan kecuali ianya berkaitan dengan keperluan dan kehendak murid. Ini adalah disebabkan bahawa aspek kognitif, afektif dan psikomotor murid saling berkait.

1.2.1 Perspektif Sejarah

Pada peringkat awal, para pengkaji berpendapat bahawa tingkah laku individu adalah disebabkan oleh kuasa dalaman seperti genetik, kandungan kimia dalam badan dan pengalaman singkat tentang sesuatu yang menyebabkan individu berkelakuan demikian.

Bermula dari tahun 1920-an, kajian-kajian berkaitan tingkah laku menunjukkan faktor-faktor luaran atau persekitaran yang berlaku sebelum atau selepas sesuatu peristiwa merangsang seseorang individu mempamerkan sesuatu tingkah laku yang khusus. Pada umumnya, hasil kajian saintifik pengurusan tingkah laku mencadangkan bahawa “Kebanyakan tingkah laku adalah dipelajari. ”

Ini bermakna tingkah laku baru atau alternative boleh dipelajari pada bila-bila masa. Malah, tingkah laku yang negatif seperti agresif, suka merosakkan harta benda boleh diubah kepada tingkah laku yang baru yang lebih positif jika individu itu diberi intervensi yang dirancang dengan teliti, sesuai dan sistematik.

1.2.2 Perkembangan Masa Kini

- ☛ Kajian terkini yang dijalankan terhadap 'challenging behaviour' menunjukkan bahawa tingkah laku yang mencabar mempunyai fungsi dan berbentuk komunikatif.
- ☛ Carr and Durand (1985) mencadangkan bahawa seseorang perlu menganggap sesuatu tingkah laku itu sebagai suatu sistem komunikasi yang bermakna dan perlu mengkajinya dari sudut bentuk & kefungsiannya. Pendapat ini memberi implikasi kepada pengurusan dan pencegahan tingkah laku mencabar (Challenging behaviour).
- ☛ Terdapat empat fungsi utama komunikasi tingkah laku mencabar.
 - A. Pengelakan (avoidance)
 - B. Perhatian (Attention seeking)
 - C. Tingkah laku 'saya mahu' ('I want behaviour') dan
 - D. Rangsangan Diri (Self-stimulation)

1.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Salah laku

1.3.1 Keturunan

Faktor Psikologi – Individu yang mengalami tingkah laku obsesif dan tingkah laku yang sudah menjadi tabiatnya akan berasa senang dengan tingkah laku tersebut. Mereka akan berasa tertekan apabila kebiasaan tingkah laku itu diganggu atau dihalang. Ia dikaitkan dengan tingkah laku yang berbentuk ritualistik dan obsesif.

- a. Ketakutan dan Phobia - Phobia ialah ketakutan terhadap sesuatu yang melampau batas dan membahayakan nyawa. Contohnya seseorang yang takutkan anjing sanggup berlari melintas jalan tanpa memikirkan keselamatan diri.
- b. Perhatian – Pada hakikatnya, apa sahaja perhatian yang diberikan kepada kanak-kanak (samaada negatif/positif) adalah lebih baik daripada tiada perhatian langsung. Walau begini, perhatian yang terlampau daripada seseorang yang signifikan mungkin adalah faktor utama penyebab berlakunya tingkah laku mencabar. Mengalih perhatian seseorang yang signifikan adalah rangsangan yang paling berkesan untuk kanak-kanak 'misbehave' bagi mendapat perhatian walaupun perhatian yang diberikan adalah dalam bentuk teguran (reprimand).
- c. Peneguhan - Peneguhan yang tidak bersesuaian boleh meningkatkan lagi tingkah laku yang mencabar. Contohnya seorang murid yang tidak mendapat perhatian guru akan berpura-pura sakit dan memaksa dirinya untuk muntah untuk mendapat perhatian. Sikap guru yang memberi peneguhan positif/perhatian apabila murid sakit ini akan menyebabkan murid ini akan sentiasa berpura-pura sakit untuk mendapat perhatian. Begitu juga dengan penggunaan 'time-out' yang tidak bersesuaian akan menggalakkan lagi tingkah laku yang mencabar.
- d. Ketakutan - Menghadapi situasi/ objek yang menakutkan boleh menyebabkan berlaku tingkah laku agresif, mencederakan diri/tidak mengikut arahan. Bagaimanapun biasanya ketakutan itu sukar

dipastikan kerana ia berbentuk 'idiosyncratic' dan tingkah laku yang dipamerkan kelihatan seperti orang hilang akal (crazy) & tiada kaitan dengan keadaan luaran.

1.3.2 Persekitaran

Stimulasi yang berlebihan dari sekeliling juga mungkin menjadi satu masalah kepada tingkah laku seseorang. Jika persekitaran (Setting) itu terlalu sibuk, bising, sesak dan ada murid lain 'misbehave' serta menghasilkan tahap stimulasinya yang tinggi, murid berkenaan akan hilang kawalan dan bertindak untuk melepaskan diri dari situasi yang tidak menyenangkan. Di antara faktor-faktor persekitaran spesifik adalah:

- a. Penyelesaian Tugas (Task Difficulty) - Ada perkaitan yang jelas di antara masalah sukar menyiapkan tugas, membuat kesilapan dan kegagalan dalam sesuatu dengan masalah tingkah laku yang mencabar. Kajian menunjukkan bahawa tingkah laku agresif seperti mencederakan diri sendiri, agresif dan tidak mematuhi arahan ada berkaitan dengan masalah menyelesaikan tugas.
- b. Rutin - Perubahan dalam rutin harian - akan menyebabkan berlaku 'tantrums'. Guru perlu pandai membuat ramalan tentang apa yang akan berlaku kerana tanpa komunikasi dan penjadualan aktiviti yang berstruktur perubahan dalam aktiviti yang diminati murid akan menyebabkan kekecewaan yang amat sangat.
- c. Komunikasi dengan kanak-kanak - salah satu daripada punca kekecewaan ialah apabila tidak memahami arahan orang lain. Adalah penting memastikan bahawa seseorang itu faham apa yang akan berlaku. Ini boleh dilakukan dengan kaedah komunikasi seperti pertuturan, isyarat, compiks atau demonstrasi. Komunikasi yang jelas disertai dengan nada yang positif adalah penting untuk menghalang tingkah laku mencabar.
- d. Kekecewaan - Dalam banyak situasi percubaan menyiapkan tugas yang sukar, boleh mengakibatkan rasa kecewa. Dalam keadaan begini, perkara yang dianggap remeh yang mungkin berlaku di masa

akan datang mungkin menimbulkan tingkah laku yang diluar jangkaan. Terhalang daripada melakukan atau mendapatkan sesuatu adalah satu kekecewaan yang amat besar. Perkara yang mudah seperti menunggu untuk sesuatu aktiviti yang diminati dijalankan boleh mengecewakan, terutama sekali apabila tiada rutin yang jelas.

- e. Tindakbalas pro negatif - Banyak kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kebanyakan ibubapa, guru, kakitangan sekolah & orang dewasa yang lain memberi lebih perhatian kepada tingkah laku negatif dan kurang kepadat tingkah laku positif. Ini boleh mengakibatkan seseorang itu lebih mempelajari tingkah laku yang tidak sesuai dan kurang mempelajari tingkah laku sebaliknya dalam usaha mendapat perhatian.
- f. Ketidak Konsistan - Orang dewasa seringkali tidak konsisten dalam memberi tindakbalas terhadap tingkah laku yang tidak sesuai. Kadang-kadang 2 orang dewasa gagal untuk bekerjasama dan mencapai kata sepakat dalam tindakbalas yang sepatutnya diberikan terhadap tingkah laku yang mencabar. Ini menyebabkan kanak-kanak keliru dengan arahan yang berbeza daripada dua orang dewasa yang berlainan.
- g. Provokasi – Ejekan, campurtangan dari orang lain mungkin adalah pencetus kepada tingkah laku mencabar. Ada yang bertindakbalas secara agresif, ada yang bertindak dengan mencederakan diri sendiri dll. Walaubagaimana pun, adakalanya orang dewasa perlu melakukan provokasi untuk mendapat hasil yang positif.
- h. 'Limit Testing' - Seseorang murid mungkin akan mengulangi tingkah laku – tingkah laku yang terdahulu untuk menguasai/mengawal keadaan. Biasanya jika tiada/kurang komunikasi di antara guru & ibubapa / 'teamwork,' individu itu akan terus mencuba sehingga berjaya mengawal keadaan. 'Limit Testing' sering berlaku di situasi baru atau dengan guru baru.
- i. 'Stress Relief - Jika seseorang itu terlalu gembira atau 'anxious' dia mungkin perlu melakukan sesuatu untuk mengurangkan rasa 'stress'

dan untuk mendapatkan keselesaan. Tingkah laku yang berbentuk stimulasi diri seperti 'flapping' 'rocking' boleh menenangkan individu itu.

- j. 'Demands' - Kehendak/keperluan yang ditujukan kepada individu boleh menyebabkan kekecewaan, kemarahan atau kebosanan. Ini disebabkan 'demands' itu mungkin akan mengakibatkan kegagalan dan reprimands atau memerlukan pembetulan yang tidak disukai.
- k. 'Behavioural Expectations' - Ia berkaitan dengan penjaga kanak-kanak yang memberi pelbagai alasan terhadap tingkah laku kanak-kanak dan tidak mempedulikan tingkah laku tersebut kerana menganggapnya adalah sebahagian dari ciri-ciri kanak-kanak itu dan tidak boleh diubah. Untuk mengatasi masalah ini penjaga perlu kerap bersama kanak-kanak di tempat awam supaya lebih sensitif kepada tatacara berkelakuan dalam masyarakat.

Tindakbalas individu adalah berbeza. Ada yang sensitif dan ada yang menganggap teguran sebagai peneguh kerana mendapat perhatian. Terdapat juga yang bertindakbalas secara negatif terhadap kegagalan dan teguran walaupun ia ditujukan kepada orang lain. Cara atau teknik bagaimana pembetulan dilakukan, menentukan samada seseorang itu boleh menerimanya atau tidak.

1.3.3 Pemakanan

Perubatan dan Rawatan - Kesakitan dan kesedihan yang dikaitkan dengan rawatan perubatan yang diterima boleh menjadikan seseorang itu tidak selesa dan kemungkinan berkelakuan tidak sesuai. Mereka yang menghadapi masalah perkembangan tidak dapat menyatakan dan memahami keadaan yang dialami. Contoh-contoh faktor perubatan yang mempengaruhi tingkah laku ialah :

- a) Kesakitan yang dikaitkan dengan sembelit, haid, migraine, alahan dll.
- b) Sakit kepala akibat dari keadaan penglihatan

- c) Pengaruh hormon - 'pre-menstrual', memasuki alam remaja, dll.
- d) Faktor neurology - ada juga masalah sawan yang dikaitkan dengan tingkah laku agresif
- e) Ketagihan
- f) Sensitif terhadap jenis makanan dan bahan kimia
- g) Kurang daya tumpuan untuk belajar. Akibat - rasa kecewa dan berkelakuan agresif
- h) Ketidakselesaian kerana lapar, dahaga atau diet yang tidak seimbang, dll,
- i) Ezcema/lain-lain masalah penyakit kulit yang boleh menyebabkan tingkah laku mencederakan diri.

FAKTOR-FAKTOR MENGATASI MASALAH SALAH LAKU

- a) Berpindah dari institusi ke dalam masyarakat dengan bantuan yang bersesuaian kadang-kadang membawa perubahan yang positif dalam tingkah laku dan kemahiran.
- b) Meningkatkan ruang untuk pergerakan fizikal boleh secara langsung mengurangkan tingkah laku yang agresif
- c) Menukarkan jumlah dan jenis makanan atau minuman boleh membantu mengurangkan tabiat suka merenung atau muntah.
- d) Mengkayakan persekitaran dengan orang dan objek yang bersifat manipulatif boleh mengurangkan tingkah laku yang stereotaip
- e) Susun atur perabot dan mengurangkan masalah ruang sekatan di dalam bilik boleh mempengaruhi tingkah laku yang berlaku akibat dari gangguan, ejekan atau dorongan rakan-rakan
- f) Mengurangkan 'stress' akibat dari bunyi bising, cuaca yang terlalu panas atau terlalu sejuk mungkin membantu kanak-kanak autism yang sensitif dan takut.
- g) Dengan menggunakan taktik psikologi dapat mengurangkan rasa kebimbangan dan ketakutan terhadap sesuatu buat sementara waktu. Jika tingkah laku ini diberhentikan rasa kebimbangan dan ketakutan akan berulang semula.
- h) Kemahiran sosial dan komunikasi - Dengan kemahiran ini seseorang itu boleh bertindakbalas dengan cara yang selamat terhadap masalah persekitaran dan tekanan yang terhasil akibat darinya. Tanpa kemahiran-kemahiran ini murid-murid akan menggunakan tingkah laku yang agresif untuk mengatasi tekanan yang dihadapi. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa lebih ramai murid-murid yang tiada kemahiran ini berkelakuan agresif berbanding dengan murid-murid yang ada kemahiran sosial dan komunikasi

- i) Aktiviti dan Tahap Stimulasi - Tambah aktiviti yang berbentuk konstruktif akan meningkatkan tingkah laku yang sesuai. Ia bukanlah sekadar menyediakan aktiviti dan alatan sahaja tetapi juga mengajar semua kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti tersebut.

1.4 Kesan Salah Laku Terhadap Pembelajaran

Kesan masalah tingkah laku terhadap pembelajaran adalah jelas, antaranya adalah:

- 1.4.1 Masalah Disiplin** - Mengganggu perjalanan pengajaran dan pembelajaran. Tingkah laku agresif, hiperaktif, dan disruptif sangat mengganggu perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.
- 1.4.2 Keciciran** - Murid tidak memberi tumpuan terhadap pengajaran guru. Tingkah laku hiperaktif dan kurang tumpuan menyebabkan pelajar tidak memberi tidak berminat terhadap pengajaran guru dan seterusnya menjejaskan pencapaiannya. Lama kelamaan akan ponteng sekolah dan akibatnya keciciran dari bangku sekolah.
- 1.4.3 Gejala Sosial** – Seseorang pemuda yang masuk bangku sosial terlalu awal mungkin akan memperolehi gejala sosial yang kurang baik dengan senang sebab pengaruh negatif dari dunia sana. Akibatnya, pusingan masalah masyarakat akan terus berlanjutan dengan kesan yang menghalang pembangunan negara.

1.5 Kepentingan Pengurusan Tingkah Laku


- 1.5.1 Pengurusan Diri** - Bertindak balas kepada kehendak semula jadi kanak-kanak yang memerlukan perhatian dan penerimaan
- 1.5.2 Pendidikan** - Membolehkan murid-murid mengikuti pengajaran dan pembelajaran.
- 1.5.3 Sosialisasi** - Mengurangkan kemungkinan kanak-kanak memperlihatkan tingkah laku kurang baik dalam usaha mendapatkan perhatian.

Kesimpulan

Terdapat persamaan yang nyata di antara definisi-definisi yang dikemukakan. Secara umum, pengurusan tingkah laku sebenarnya lebih merupakan rasional dan metodologi daripada satu set prosedur khusus yang berasas kepada data khusus. Teknik-teknik pengurusan tingkah laku senarai di atas merupakan pelaksanaan prosedur yang telah diuji (dan diterima) dengan tujuan untuk mengubah sesuatu tingkah laku.

Interaksi sosial dan regulasi sendiri mungkin terjejas akibat daripada masalah pembelajaran yang dialami oleh seorang kanak-kanak.

Latihan 1 Untuk menguji kefahaman konsep-konsep, isu-isu penting dengan membuat ulasan.



Hubung kaitkan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku manusia dengan masalah tingkah laku murid-murid bermasalah pembelajaran. Sediakan senarai semak faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku murid-murid berkeperluan khas. Dapatkan maklumat di perpustakaan atau pusat sumber dan sila layari laman web yang berkaitan

Syabas dan Tahniah!



Anda telah mengikuti tajuk satu dengan tekun dan sabar. Selepas ini anda akan diperkenalkan dengan tajuk dua dan seterusnya.

Berehatlah sebentar sambil minum secawan kopi.

TAJUK 2	Teori dan Model Tingkah laku	5 JAM
--------------------	-------------------------------------	--------------



Sinopsis


Tajuk ini merupakan tajuk 2 daripada profoma kursus. Ia memberi pengetahuan asas tentang teori dan model tingkah laku manusia. Bahagian pertama membincangkan tentang teori-teori yang berkaitan dengan tingkah laku manusia seperti Teori Pelaziman Operan dan Teori Pembelajaran Sosial. Bahagian kedua pula memberi pendedahan kepada empat model tingkah laku iaitu Model Psikodinamik, Model Biofizikal, Model Persekitaran dan Model Tingkah laku atau Model Behavioral.



HASIL PEMBELAJARAN

- i. Memahami teori tingkah laku Pelaziman Operan dan Teori Pembelajaran Sosial
- ii. Mengenal pasti empat model tingkah laku manusia
- iii. Menjelaskan secara umum ciri-ciri setiap model tingkah laku manusia

Kerangka Konsep Tajuk



2.1 Teori Tingkah laku

Dalam tajuk 1 anda telah diperkenalkan dengan maksud, definisi dan konsep pengurusan tingkah laku. Tahukah anda bahawa konsep dan cara-cara pengurusan tingkah laku ini adalah didasarkan daripada teori-teori tingkah laku yang telah dipelopori oleh ahli-ahli behavioris seperti Skinner, Pavlov dan Bandura.

2.1.1 Teori Pelaziman Operan

Apakah itu Pelaziman Operant?

Teori Pelaziman Operant ini dipelopori oleh Edward Thorndike dan Skinner (Walker & Shea, 1995). Pelaziman Operant ialah satu proses pembelajaran di mana kemungkinan sesuatu gerak balas berlaku ditingkatkan atau dikurangkan bergantung kepada peneguhan atau hukuman. Thorndike menghasilkan prinsip '*the law of effect*'. Ia bermaksud, tingkah laku dibentuk oleh konsekuensi atau akibat sesuatu peneguhan. Jika konsekuensinya

memuaskan maka tingkah laku itu akan menjadi kukuh pada masa hadapan. Jika konsekuensnya tidak memuaskan maka tingkah laku itu akan menjadi semakin lemah. Thorndike menganggap prinsip ' *the law of effect* 'sebagai prinsip utama pengajaran dan pembelajaran. Untuk membantu anda, cuba lihat jadual yang dipaparkan seterusnya.

Pelaziman Operant	Konsekuens sesuatu tingkah laku cenderung untuk mengubahsui tingkah laku tersebut di masa hadapan. Tingkah laku yang dikukuhkan cenderung untuk dilakukan lagi. Tingkah laku yang tidak diberi perhatian atau dihukum kurang berkemungkinan untuk dilakukan lagi.
Peneguh	Apa juga yang mengukuhkan satu gerak balas atau meningkatkan sesuatu tingkah laku kemungkinan ia akan berlaku lagi.
Pembentukan	Secara berperingkat membentuk satu tingkah laku yang dikehendaki dengan meneguhkan gerak balas yang semakin hampir menjadi tingkah laku yang dikehendaki tersebut.
<i>Successive Approximations</i>	Satu siri langkah latihan yang berperingkat dengan setiap langkah semakin menyerupai gerak balas yang dikehendaki.

Jadual 2.1: Sumber: Hamilton, K.R (2001)

Bagaimana hendak menghasilkan gerak balas secara pelaziman operant?

Tiga perkara perlu kita laksanakan:

- a) Tingkatkan motivasi klien kita.
- b) Kurangkan peluang untuk gerak balas yang tidak relevan.
- c) Guna *successive approximations* dalam latihan pengubahsuaian tingkah laku.

Guru mestilah selalu memotivasikan murid dengan memberi kata perangsang, pujian, hadiah, senyuman dan sebagainya. Kita juga mesti mengguna pelbagai kaedah dan teknik mengajar. Guru boleh bercerita, menyanyi, menunjukkan tayangan video, berlakon, bermain dan sebagainya seperti perlu pastikan objek dan keadaan persekitaran yang boleh mengganggu pembelajaran dikurangkan atau lebih baik dihapuskan. Ini semua perlu perancangan pengajaran dan pembelajaran

yang teliti. Ia perlu dilakukan secara berperingkat-peringkat sehinggalah tercapai matalamat pengurusan tingkah laku.

2.1.2 Teori Pembelajaran Sosial

Siapakah pelopor teori ini? Albert Bandura.

Apakah nama lain bagi teori ini?

Pembelajaran Melalui Pemerhatian (*Observational Learning*).

Apakah idea utama teori ini?

Belajar Menerusi Peniruan. Belajar dengan memerhati tingkah laku orang lain dan konsekuensi tingkah lakunya.

Adakah terdapat istilah lain yang mesti diketahui?

Ya, tunjuk cara dan model. Tunjuk cara ialah nama lain bagi Pembelajaran Melalui Pemerhatian yang menunjuk cara satu tingkah laku atau menjadi contoh dalam Pembelajaran Melalui Pemerhatian.

Banyak perkara yang kita pelajari di dunia diperolehi menerusi peniruan. Proses pemerolehan ini berlaku menerusi pemerhatian tanpa melakukan tingkah laku tersebut dan tanpa peneguhan luaran. Tingkah laku dibuat kemudiannya mungkin akan memerlukan peneguhan. Contohnya dalam sukan Pendidikan Khas pemain bola sepak mungkin bertingkah laku kasar kerana mereka telah memerhati tingkah laku yang sama dan membuat peniruan seterusnya menjadi tingkah laku mereka juga.

Emoat Proses Dalam Teori Pembelajaran Sosial :

- a) **Perhatian** - Nilai rangsangan dalam model yang digunakan perlu baik, menarik, pada tahap pembelajaran yang bersesuaian bagi menarik dan meneruskan penumpuan perhatian, dan mempunyai nilai kepada pelajar.
- b) **Penyimpanan** - Untuk disimpan dalam ingatan, tingkah laku yang

hendak ditiru perlu dikodkan secara simbolik sebagai imej atau perkataan dalam minda kita. Oleh itu, ia perlu tersusun dan diulang-ulangkan.

- c) **Penghasilan semula** - Pelajar perlu mempunyai komponen gerak balas iaitu satu siri pergerakan yang tersedia ada. Pelajar itu juga perlu ada keupayaan melakukan gerak balas tersebut. Sebagai contoh, dalam proses belajar melukis, murid memerlukan kemahiran motor kasar, motor halus, mengenal warna dan alat lukisan sebagai komponennya. Pelajar juga perlu mempunyai keupayaan memantau prestasi sendiri dan menggunakan maklum balas.

- d) **Motivasi** - Tingkah laku bergantung kepada motivasi yang diberikan. Ia berhubung kait dengan orang yang memberi motivasi dan sumber peneguhannya.

2.2 Model-model Tingkah laku

Tahukah anda bahawa setiap perlakuan manusia dipengaruhi oleh empat model tingkah laku. Apakah yang dimaksudkan dengan model tingkah laku? Teliti dan fahami jenis-jenis model tingkah laku berikut:

2.2.1 Model Psikodinamik

Teori-teori psikodinamik melihat punca tingkah laku manusia daripada faktor dalaman individu itu sendiri. Tingkah laku ditentukan secara dinamik melalui pendekatan *intrapsychic*. Melalui perspektif psikodinamik, perkembangan personailiti terjadi semasa kanak-kanak berkembang melalui siri tingkat perkembangan psikoseksual (*oral stage, anal stage, phallic, latency, genital*).

2.2.2 Model Biofizikal

Model ini menekankan bahawa punca tingkah laku adalah secara organik. Model ini melihat hubungan antara kecacatan fizikal, kekurangan zat makanan, dan penyakit dengan tingkah laku individu.

2.2.3 Model Persekitaran

Pengaruh persekitaran terhadap tingkah laku manusia pada masa kini sangat ketara. Ahli-ahli mazhab persekitaran ini menekankan bahawa mengasingkan kanak-kanak daripada persekitaran yang boleh menyebabkan berlakunya tingkah laku itu boleh mengelakkan fenomena tingkah laku negatif berlaku.

2.2.4 Model Behavioral

Punca tingkah laku manusia berlaku di luar diri manusia di dalam persekitarannya. Justeru tingkah laku manusia ditentukan oleh faktor-faktor luaran di sekelilingnya.


Strategi pengurusan tingkah laku mengikut model

Apakah strategi yang sesuai digunakan oleh guru untuk menangani tingkah laku mengikut model seperti yang dinyatakan? Strategi pengurusan tingkah laku juga dilaksanakan berasaskan model pengurusan tingkah laku iaitu biofizikal, psikodinamik, behavioral, dan persekitaran.

- a) Biofizikal - Model biofizikal melibatkan strategi penjagaan sebelum dan selepas lahir, pemakanan, perubatan, nutrisi, dan sebagainya. Strategi ini menekankan peranan guru dalam intervensi biofizikal tersebut.
- b) Psikodinamik - Strategi pengurusan tingkah laku mengikut model psikodinamik melibatkan teknik kaunseling seperti temu bual dan terapi realiti, teknik media ekspresif seperti lakonan bebas, puppet, main peranan, pergerakan kreatif, tarian, dan aktiviti fizikal. Manakala teknik pengaruh tingkah laku adalah seperti tidak mengendahkan sesuatu tingkah laku yang dibuat secara terancang (planned ignore), mengurangkan ketegangan melalui gurauan dan sebagainya.

- c) Behavioral - Pengurusan tingkah laku berasaskan model behavioral berteraskan teori-teori tingkah laku yang melibatkan rangsangan, ganjaran dan sebagainya.
- d) Persekitaran - Intervensi tingkah laku berasaskan model persekitaran termasuklah strategi yang berpusatkan kanak-kanak, berpusatkan persekitaran, berpusatkan kanak-kanak dan persekitaran dan "interface-centered".

Latihan 2. Untuk menguji kefahaman konsep dengan membuat ulasan.



Dengan sokongan pengurusan grafik, banding
Bezakan penekanan yang diberikan oleh model-
model pengurusan Tingkah laku di atas.
Layari laman web untuk mendapatkan maklumat.



Sekarang anda boleh berehat sekejap sambil menikmati secawan kopi.

TAJUK 3	Jenis-jenis Tingkah laku Bermasalah	5 JAM
--------------------	--	--------------



Sinopsis


Tajuk ini merupakan tajuk 3 daripada profoma kursus. Ia memberi pengetahuan asas tentang jenis-jenis tingkah laku bermasalah dalam kalangan kanak-kanak berkeperluan khas. Jenis-jenis tingkah laku yang akan dibincangkan ialah jenis-jenis tingkah laku positif seperti cepat belajar, suka mencuba, perasaan ingin tahu, suka bertanya, melibatkan diri dalam aktiviti dan lain-lain. Jenis-jenis tingkah laku negatif juga dibincangkan seperti agresif, disruptif, destruktif, *temper problems, withdrawal, non-compliance* dan lain-lain lagi. Peserta-peserta kursus juga didedahkan dengan penyelidikan mengenai tingkah laku yang bercorak *Cross-sectional research* dan *Longitudinal research*.



Hasil Pembelajaran

- 1 Menghuraikan jenis-jenis tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pembelajaran.
2. Mengenalpasti punca-punca berlakunya masalah tingkah laku negatif
3. Membezakan penyelidikan tingkah laku jenis *longitudinal research* dan *cross-sectional research*

Kerangka Konsep Tajuk



3.1 Tingkah laku Positif

Pengenalan

Ramai guru yang merungut dan mengeluh tentang masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Namun guru juga perlu sedar bahawa terdapat juga tingkah laku positif yang ditunjukkan oleh kanak-kanak. Tingkah laku positif ini perlu diberi pengiktirafan dan perhatian oleh guru supaya tingkah laku ini dapat ditingkat dan dikekalkan. Aspek ini seringkali diabaikan oleh guru kerana guru lebih cenderung memberi perhatian yang lebih kepada tingkah laku negatif.

Tingkah laku positif bermaksud tingkah laku yang ditunjukkan oleh kanak-kanak tetapi tingkah laku itu akan menjadi bermasalah sekiranya dilakukan secara berlebihan atau tanpa kawalan dan boleh menimbulkan masalah kepadanya. Misalnya, sifat ingin tahu yang berlebihan kepada seorang kanak-kanak boleh menyebabkannya bertindak keterlaluan sehingga menyusahkan dirinya dan orang lain.

Renungkan, fikirkan dan senaraikan jenis-jenis tingkah laku positif yang terdapat dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Apakah kaedah dan teknik-teknik yang guru boleh gunakan untuk meningkat dan mengekalkan tingkah laku positif ini?

Anda seringkali berhadapan dengan masalah menguruskan tingkah laku murid-murid yang mencabar? Apakah yang difahami dengan istilah tingkah laku mencabar? Mengapakah tingkah laku mencabar ini berlaku?

Kaedah dan Teknik Untuk Meningkatkan Tingkah laku Positif

Tingkah laku baik atau yang diinginkan ditunjukkan oleh murid hendaklah ditingkatkan lagi atau sekurang-kurangnya dikekalkan. Antara teknik yang boleh digunakan oleh guru adalah seperti berikut:

- a) Peneguhan positif
Pemberian peneguhan selepas sesuatu tingkah laku yang diinginkan ditunjukkan supaya tingkah laku itu dikekalkan atau ditingkatkan lagi,
- b) Peneguhan negatif
Merupakan penarikan rangsangan negatif (aversive stimulus) setelah tingkah laku sasaran ditunjukkan dan akan mengekalkan atau meningkatkan lagi tingkah laku tersebut.
- c) Pembentukan (*shaping*)
Pemberian pengukuhan kepada perlakuan-perlakuan yang dilakukan oleh murid yang menjurus kepada pembentukan perlakuan yang dikehendaki.
- d) Kontrak
Persetujuan di antara dua pihak atau lebih (guru dan murid) secara lisan atau bertulis. Murid dipertanggungjawabkan terhadap perkara atau aktiviti yang dipilih. Kontrak akan berjaya jika murid faham akan tingkah laku yang hendak diubah dan murid faham akan kesan yang akan berlaku.
- e) Ekonomi token
Peneguhan diberi dalam bentuk token seperti syiling (coin) atau sticker, dan sebagainya apabila tingkah laku yang diinginkan ditunjukkan. Token ini boleh ditukarkan dengan benda-benda atau bentuk ganjaran lain yang disediakan oleh guru.
- f) Modeling
Menggunakan watak-watak (murid, guru) yang disukai dan dihormati untuk diteladani oleh murid.
- g) Rantaian (*chaining*)
Merujuk kepada siri tingkah laku yang ditunjukkan dalam bentuk rantaian atau berurutan. Pembentukan rantaian tingkah laku atau rantaian

kemahiran lain, dikenali juga sebagai analisis tugas.

h) Pengaburan/pelunturan (*fading*)

Mengurangkan tingkah laku atau ganjaran yang diterima secara perlahan-lahan.

3.2 Tingkah laku Negatif

Pengenalan

Anda seringkali berhadapan dengan masalah menguruskan tingkah laku murid-murid yang mencabar? Apakah yang difahami dengan istilah tingkah laku mencabar? Mengapakah tingkah laku mencabar ini berlaku?

Tingkah laku bermasalah negatif atau tingkah laku mencabar adalah tingkah laku yang menimbulkan masalah kepada dirinya dan juga orang lain. Beberapa contoh tingkah laku bermasalah negatif adalah seperti berikut:

3.2.1 Hiperaktif

Tingkah laku aktif yang terlampau. Tidak dapat duduk diam-diam seperti ada jarum di punggung seseorang individu. Boleh tidak tidur beberapa hari dan melakukan sesuatu yang disukai tanpa berhenti. Memanjat ke atas almari dan duduk di atas sambil belajar.

3.2.2 Destruktif

Perlakuan yang suka merosakkan benda seperti kerusi meja, barangan kawan sekelas, mengoyak poster atau notis di papan kenyataan dan sebagainya.

3.2.3 Disruptif/mengganggu

Perlakuan sentiasa mengganggu perjalanan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Tingkah laku ini juga berlaku di luar kelas dan juga di rumah.

3.2.4 Agresif

Tingkah laku agresif adalah seperti suka memulakan pergaduhan, suka bergaduh,

suka memaki hamun dan sebagainya.

3.2.5 Temper Tantrums

Menunjukkan kemarahan yang kuat secara tiba-tiba. Tidak menerima pujukan atau ajakkan orang lain walau pun telah diberikan apa yang diminta.

3.2.6 Seperation Problems

Kecenderungan mengasingkan diri dari kumpulan, asyik duduk di sudut dan tidak berkerja sama

3.2.7 Pergantungan berlebihan

Kanak-kanak yang sangat bergantung kepada orang lain, tidak dapat berdikari dan tidak berupaya membuat keputusan sendiri.

3.2.8 Pengasingan diri

Suka menjauhkan diri daripada orang lain yang kurang disenangi. Tingkah laku ini juga dijadikan sebagai mekanisme helah bela diri untuk mengelakkan diri daripada berkomunikasi dengan orang lain.

3.2.9 Noncompliance

a) Ponteng sekolah

Perlakuan yang sengaja dibuat iaitu tidak hadir ke sekolah tanpa pengetahuan ibu bapa dengan membuang masa di tempat lain seperti pusat membeli belah atau taman permainan.

b) Enggan ke sekolah

Perasaan kurang senang atau takut akibat anggapan bahawa sesuatu yang tidak diinginkan akan berlaku. Keadaan ini akibat daripada pengalaman emosi yang tidak menggembirakan yang dialami oleh seseorang. Contohnya enggan ke sekolah

akibat daripada perasaan fobia terhadap sekolah. Kanak-kanak ini berasa bimbang untuk berpisah dengan keluarga dan bimbang meninggalkan kawasan rumahnya.

c) Mencuri

Mengambil hak orang lain tanpa kebenaran tuannya. Tabiat mencuri barang rakan sekelas akan menyebabkan pertengkaran, pergaduhan, dan dipulaukan oleh rakan sekelas.

Tingkah laku Spesifik Yang Mencabar

Ciri-ciri individu yang mengalami

- (a) Kecelaruhan Tingkah Laku
 - (i) Tingkah laku yang agresif dan beraksi agresif terhadap orang lain
 - (ii) Mempamerkan tingkah laku membuli, mengugut, atau tingkah laku mengancam.
 - (iii) Berkemungkinan mendera secara fizikal
 - (iv) Menunjukkan sedikit empati, dan prihatin kepada perasaan.
 - (v) Menunjukkan tidak berperasaan terhadap orang lain, dan tiada rasa bersalah atau rasa kesal

- (b) Kecelaruhan Penyesuaian
 - (i) Menunjukkan emosi dan tingkah laku apabila tidak dapat menyesuaikan diri pada masa tertentu atau tidak dapat membuat perubahan dalam hidup.
 - (ii) Tingkah laku cemas, atau takut, vandalisma atau bergaduh.

- (c) Kurang Tumpuan dan Hiperaktif
 - (i) Menunjukkan tingkah laku tidak konsisten pada tahap perkembangan mereka.

- (ii) Mudah lupa dengan aktiviti harian.
- (iii) Lemah dalam memberi perhatian, lalai dalam kerja sekolah atau kerja rumah.

- (iv) Tidak dapat mengikut arahan dan gagal menyudahkan kerja sekolah.

- (d) Engkar Arahan
 - (i) Tidak memberi perhatian dan tumpuan terhadap sesuatu arahan.
 - (ii) Sering mengabaikan kerja sekolah dan menganggap tidak penting.
 - (iii) Kurang bertanggungjawab.
 - (iv) Sukar menguruskan tugas dan aktiviti.

- (e) Tingkah Laku Mengganggu
 - (i) Menunjukkan tingkah laku negatif defien, tidak taat, dan tingkah laku permusuhan terutama terhadap mereka yang berautoriti.
 - (ii) Menunjukkan tingkah laku agresif terhadap orang ramai dan kejam terhadap binatang.

- (f) Impulsif
 - (i) Menunjukkan tingkah laku yang abnormal terutama yang berkaitan dengan interaksi sosial dan komunikasi.
 - (ii) Gagal membina perhubungan rakan sebaya dan yang sama umur dengan mereka.

- (g) Agresif
 - (i) Terdapat beberapa perubahan pada individu seperti tidak dapat tidur malam, dan mempi ngeri dan perasaan takut yang amat sangat.
 - (ii) Cepat naik marah

- (iii) Tidak sabar menunggu giliran.
 - (iv) Tidak dapat menerima teguran atau komen dari orang lain
 - (v) Sering melawan dan menganggap dirinya yang terbaik.
- (h) Mengamuk
- (i) Menunjukkan kecelaruan tingkah aku yang serius seperti hilang perhubungan dengan persekitaran.
 - (ii) Berlaku pertukaran personaliti cepat bosan dalam menyudahkan tugas
 - (iii) Mengalam halusinasi dan delusi percakapan yang tidak terurus
- (i) Murung
- (i) Tingkah laku murung boleh ditunjukkan melalui simptom seperti sakit kepala
atau sakit perut dan kecelaruan dalam mengurus sesuatu tugas.
 - (ii) Gagal dalam melaksanakan kerja atau menunjukkan emosi yang tidak menentu seperti ketawa seorang diri atau menangis.
- (j) Stereotaip
- (i) Kurang keyakinan diri.
 - (ii) Menunjukkan pergantungan kepada orang lain.
 - (iii) Sering was-was apabila menjalankan tugas dan tanggungjawab.
 - (iv) Sering mengulang tugas yang sama kerana tidak puas hati dalam menyudahkan tugas tersebut.

Apakah punca-punca terjadinya tingkah laku yang mencabar?

Terdapat beberapa punca yang menyebabkan terjadinya tingkah laku mencabar antaranya:

Fungsi dan struktur otak	Kecederaan ketika lahir.
Genetik	Kesihatan mental ibu
Alergi makanan dan pengambilan gula	Kurang berat badan sewaktu dilahirkan
Terdedah kepada persekitaran yang tercemar.	Pengambilan rokok semasa mengandung

Punca-punca terjadinya tingkah laku yang mencabar

Kaedah dan Teknik untuk Mengurang dan Menghapuskan Tingkah laku Negatif

Pernahkah anda berhadapan dengan masalah tingkah laku negatif seperti yang dinyatakan di atas? Apakah tindakan yang guru lakukan untuk menangani tingkah laku negatif tersebut? Baca dan fahami teknik-teknik yang dinyatakan di bawah yang boleh membantu guru mengurang dan menghapus tingkah laku negatif yang tidak diingini.

a) Penghapusan (*Extinction*)

Memberhentikan atau menyekat murid daripada terus melakukan tingkah laku negatif secara beransur-ansur dengan menggantikan dengan tingkah laku baru yang positif.

b) Pengasingan (Time-out)

Menempatkan murid berasingan daripada kumpulan (penjuru bilik, bilik khas) atau mengeluarkan murid daripada aktiviti kumpulan,

c) Kejemuan (*Satiation*)

Membiarkan murid melakukan tingkah laku itu hingga dia jemu melakukannya dan berhenti sendiri. "*Over Correction*" adalah satu teknik kejemuan,

d) Hukuman/dendaan

Contoh: tahanan kelas (lambat balik) , dendaan fizikal, ambil balik token yang diberi, menarik balik hak dan keistimewaan,

e) Disensitisasi

Tindakan-tindakan secara beransur-ansur untuk menghilangkan rasa gugup atau takut yang berlebihan (takut bercakap di depan kelas, fobia).

f) Pembetulan semula (*overcorrection*)

Prosedur yang memerlukan pelajar memperbaiki keadaan atau kesalahan yang dilakukan melebihi keadaan sebelumnya.

Cth: - membuat pembetulan kesalahan tulisan berulang kali
- bukan hanya mengelap bahagian lantai yang ditumpahi makanan tetapi diminta mengelap keseluruhan lantai bilik itu

g) '*Response cost*'

Suatu bentuk penarikan peneguh atau ganjaran secara sistematik terhadap sesuatu tingkah laku yang tidak sesuai.

Bagaimanakah kita mencegah tingkah laku mencabar di kalangan murid kita? Pencegahan tingkah laku mencabar memerlukan kerjasama semua pihak yang terlibat dengan pendidikan murid-murid. Pihak yang kita maksudkan ialah ibu bapa, keluarga, pihak pentadbir sekolah, guru, agensi berkaitan, para pakar, badan bukan kerajaan, komuniti dan masyarakat. Kerjasama dan kolaborasi pintar kesemua pihak yang prihatin dengan perkembangan dan pendidikan murid-murid akan memastikan sebarang strategi dan program perubahan tingkah laku itu berjaya. Bagi tujuan topik ini, kita akan membincangkan hanya strategi bilik darjah, strategi untuk sekolah dan garis panduan melaksanakan program mencegah tingkah laku mencabar.

Strategi di bilik darjah

Guru memainkan peranan yang penting dalam mengurus kelas dan tingkah laku murid-muridnya. Guru bukan hanya mengajar tetapi guru juga mendidik murid-murid. Guru perlu mengamalkan amalan terbaik (best practices) dalam kelasnya. Bagi mengamalkan amalan terbaik ini, guru perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuannya dan mengaplikasikan cara pengajaran yang baik. Guru perlu memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Guru perlu sentiasa meningkatkan dirinya secara profesional iaitu selalu menghadiri kursus, latihan, ceramah terutamanya berkaitan pengurusan bilik darjah dan tingkah laku. Guru juga mesti sentiasa peka dengan perkembangan pendidikan semasa melalui pembacaan dan pencarian maklumat pelbagai sumber lain seperti majalah, jurnal dan internet.
- (b) Guru perlu tahu mengurus bilik darjah dengan baik. Penyusunan persekitaran, ruang, perabot, alatan, alat bantu mengajar dan bahan lain perlu dilakukan dengan bijaksana dengan mengambilkira keperluan dan kepelbagaian cara pembelajaran murid dalam bilik darjah. Pastikan bilik darjah selamat, ceria dan kondusif untuk pembelajaran murid.
- (c) Guru perlu menyokong tingkah laku murid secara positif iaitu dengan membanyakkan motivasi dan memberi ganjaran.
- (d) Guru perlu menetapkan peraturan bertingkah laku dalam bilik darjah. Peraturan ini perlu dipatuhi oleh semua orang termasuk guru, pembantu

guru, ibu bapa, tetamu dan sebagainya.

- (e) Guru perlu mengamalkan strategi pengubahsuaian tingkah laku dan strategi pengajaran-pembelajaran yang berkesan.
- (f) Guru perlu banyak melibatkan keluarga dan ibu bapa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sentiasa berhubung dengan ibu bapa dan keluarga berkaitan perkembangan dan tingkah laku anak-anak mereka.
- (g) Guru perlu selalu membuat pemantauan dan penilaian terhadap proses pengajaran-pembelajaran dan program pengubahsuaian tingkah laku.

Kita semua pasti dapat melakukannya! Kalau kita dapat melakukannya sudah pasti murid kita akan mendapat faedahnya.

Strategi untuk sekolah

Seperti yang kita tegaskan sebelum ini, untuk mengubah tingkah laku kita perlu mengubah diri kita sendiri dahulu. Kita juga nyatakan bahawa semua pihak memiankan peranan yang penting dalam mencegah tingkah laku mencabar. Pihak sekolah bererti semua warganya terutamanya pihak pentadbir sekolah iaitu pengetua/guru besar, guru penolong kanak, penyelia, penyelaras kelas khas bermasalah pembelajaran. Semua pihak ini perlu prihatin dan bertanggungjawab dalam membantu program pencegahan tingkah laku mencabar berjaya di sekolah mereka. Namun pendekatan 'whole school approach' atau seluruh sekolah perlu diterapkan iaitu seluruh warga sekolah meliputi pihak pentadbir, para guru, kakitangan lain, pengawal keselamatan, pihak kantin sekolah, ibu bapa dan Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) perlu memainkan peranan masing-masing. Saranan yang perlu dilakukan oleh sekolah:

- a) Membina iklim sekolah yang berdisiplin baik.
- b) Membuat peraturan yang jelas, adil dan bertimbang rasa yang boleh dilaksanakan.
- c) Memastikan pembangunan profesional di kalangan warga sekolah terutama para guru, kakitangan lain, ibu bapa dan PIBG.

- d) Memastikan murid disokong dengan cara-cara yang positif.
- e) Memastikan guru mengamalkan strategi yang berkesan.
- f) Memberikan sokongan kepada guru, murid, ibu bapa dan keluarga.
- g) Menyokong dan menggalakkan kejayaan murid.

Sekiranya pihak sekolah berperanan dengan sewajarnya sudah tentu kejayaan mencegah tingkah laku mencabar dapat dicapai. Adakah anda bersetuju ?

3.3 Penyelidikan Mengenai Tingkah laku


3.3.1 'Cross-sectional Research'

ialah satu kaedah penyelidikan di mana data-data dipungut pada satu jangkamasa tertentu dari individu yang berlainan latarbelakang. Kaedah ini seringkali digunakan di dalam bidang psikologi perkembangan dan boleh juga digunakan di dalam bidang-bidang lain seperti sains sosial, pendidikan dan lain-lain bidang sains.

Dalam bidang psikologi perkembangan, pengkaji boleh memilih beberapa kumpulan subjek yang mempunyai banyak ciri persamaan tetapi hanya berbeza dari segi umur. Oleh itu ini sekiranya terdapat sebarang perbezaan di antara kumpulan ini ia diandaikan adalah kerana faktor perbezaan umur.

3.3.2 'Longitudinal Research'

Kajian longitudinal research ialah satu kaedah penyelidikan bertujuan untuk melihat perkaitan di antara beberapa pembolehubah. Ia melibatkan kajian terhadap kumpulan individu yang sama dalam jangkamasa yang panjang. Data dipungut di peringkat permulaan dan juga di sepanjang tempoh kajian. Kebaikan kajian 'longitudinal research' ialah ia membolehkan pengkaji melihat perubahan yang berlaku dalam tempoh tersebut. Contohnya untuk mendapatkan sebab-sebab berlakunya jenayah di kalangan remaja, pengkaji akan mengesan 50 remaja dalam tempoh 30 tahun untuk mendapatkan faktor utama kepada berlakunya jenayah tersebut.



3.1 Perhatikan tingkah laku seorang kanak-kanak yang hiperaktif. Minta kanak-kanak tersebut duduk diam. Berapa lama dia boleh duduk diam. Catatakan masa, dan apa yang dilakukannya dalam pemerhatian anda.

3.2 Bincangkan kepentingan 'longitudinal research' dan 'cross-sectional research' dalam bidang pengurusan tingkah laku kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

Untuk maklumat lanjut sila layari laman web berikut :

<http://psychology.about.com>

<http://www.alleydog.com>

<http://www.enotes.com>

<http://en.wikipedia.org>

Itu saja yang perlu anda lakukan.....SELAMAT BERJAYA

RUJUKAN :

- Axelrod, S. 1983. *Behavior Modification for the Classroom Teacher*, New York: McGraw-Hill Book Company.
- Hamilton, K. R. 2001. <http://webhome.idirect.com/~kehamilt/psy4.html>
Jun 18, 2007.
- Harrop, A. 1987. *Behavior Modification in the Classroom*, London: Hodder & Stoughton Ltd.
- Martin, G. & Pear, J. 1993. *Behavior Modification-What Is It and How to Do It* 4th ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Myint S. K.; Lourdasamy, A., Lang, Q. C. and Wong, A. F.L. 2005. *Classroom Management: Facilitating Teaching and Learning*. Singapore: Pearson.
- Sulzer, B. & Mayer, G. R. 1972. *Behavior Modification Procedures for School Personnel*. Illinois: The Dryden Press Inc.
- Walker, J. E. & Shea, T. M. 1995, *Behavior Management:- A Practical Approach for Educators* 6th ed. New Jersey: Simon & Schuster Company.
- Wielkiewicz, R. M.. 1995. *Behavior Management In The Schools: Principles and Procedure*. Boston: Allyn and Bacon.
- Zirpoli, T. J. and Melloy, K. J. 1993. *Behavior Management: Applications for Teachers and Parents*. New York: Macmillan Publishing Company.

**PANEL PENULISAN MODUL
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH
(PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN)**

NAMA	KELAYAKAN
<p>DR. NORIATI BINTI A. RASHID</p> <p>Ketua Penolong Pengarah Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia</p>	<p>Kelulusan: PhD.(Sosiolinguistik), UM Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan), UM B.A. Hons.(Geografi & Bahasa Melayu), UM Dip. Pendidikan (Geografi & Bahasa Melayu),UM</p>
<p>PN. FATIMAH BT DAUD</p> <p>Penolong Pengarah Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia</p>	<p>Kelulusan: B.A.(Hons) Diploma Pendidikan</p> <p>Pengalaman: Pensyarah Maktab Perguruan (10 tahun) Guru Sekolah (8 tahun) Pakar Runding Kandungan dan Perkaedahan (5 tahun) Penolong Pengarah (4 tahun)</p>
<p>PN. BAZAINUN BT OTHMAN</p> <p>Pensyarah Institut Pendidikan Malaysia Kampus Ilmu Khas Jalan Yaakob Latiff 56000 Kuala Lumpur</p> <p>Zai54@hotmail.com</p>	<p>Kelulusan: B.A. Hons. (Pendidikan Khas) UKM Sijil Perguruan MPPM Melaka</p> <p>Pengalaman: Guru Sekolah Menengah (12 tahun) Guru Pendidikan Khas (10 tahun) Pensyarah IPGMIK (8 tahun)</p>
<p>DR. CHIANG EE FONG</p> <p>Pensyarah Institut Pendidikan Malaysia Kampus Ilmu Khas Jalan Yaakob Latiff 56000 Kuala Lumpur</p> <p>eeefong@hotmail.com</p>	<p>Kelulusan: Phd Pendidikan Khas M.A. Human Resource Management B.A. Psychology</p> <p>Pengalaman: Pensyarah (16 tahun) Guru sekolah (12 tahun)</p>

**PANEL PEMURNIAN MODUL
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH
(PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN)**

NAMA	KELAYAKAN
<p>Dr NORIATI BINTI A. RASHID Ketua Penolong Pengarah Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia</p>	<p>Kelulusan: PhD.(Sosiolinguistik), UM Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan), UM B.A. Hons.(Geografi & Bahasa Melayu), UM Dip. Pendidikan (Geografi & Bahasa Melayu),UM</p>
<p>PN. FATIMAH BT DAUD Penolong Pengarah Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia</p>	<p>Kelulusan: B.A.(Hons) Diploma Pendidikan</p> <p>Pengalaman: Pensyarah Maktab Perguruan (10 tahun) Guru Sekolah (8 tahun) Pakar Runding Kandungan dan Perkaedahan (5 tahun) Penolong Pengarah (4 tahun)</p> <p>Pengalaman:</p>
<p>PN. BAZAINUN BT OTHMAN Pensyarah Institut Perguruan Malaysia Kampus Ilmu Khas Jalan Yaakob Latiff 56000 Kuala Lumpur Zai54@hotmail.com</p>	<p>Kelulusan: B.A. Hons. (Pendidikan Khas), UKM Sijil Perguruan MPPM Melaka</p> <p>Pengalaman: Guru Sekolah Menengah (12 tahun) Guru Pendidikan Khas (10 tahun) Pensyarah Jabatan Pendidikan Khas IPGMK (8 tahun)</p>
<p>DR. CHIANG EE FONG Pensyarah Institut Perguruan Malaysia Kampus Ilmu Khas Jalan Yaakob Latiff 56000 Kuala Lumpur</p>	<p>Kelulusan: Phd Pendidikan Khas MA Human Resource Management BA Psychology</p> <p>Pengalaman: Pensyarah (16 tahun) Guru (12 tahun)</p>

IKON



Rehat



Perbincangan



Bahan Bacaan



Buku Rujukan



Latihan



Membuat Nota



Senarai Semakan



Layari Internet



Panduan Pengguna



Mengumpul Maklumat



Tutorial



Memikir



Tamat

Struktur Pelaksanaan